

Kesetiaan Dan Perpaduan Anggota Umno Penting Dalam Survival BN - Shafie Apdal Bernama
14 Julai, 2012

TAIPING, 14 Julai (Bernama) -- Kesetiaan terhadap parti dan perpaduan dalam kalangan anggota Umno sewajarnya dikekalkan tanpa mengira musim bagi menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata kedua-dua nilai itu sentiasa perlu diterapkan dalam kalangan anggota parti bagi memastikan kekuatan Umno sebagai tunjang perjuangan Barisan Nasional (BN).

Katanya semua parti komponen BN perlu meingkatkan usaha secara agresif bagi menghadapi PRU ke-13 supaya parti masing-masing mendapat sokongan daripada segenap lapisan rakyat pelbagai bangsa dan agama.

"Ini kerana bukan semua kerusi (Parlimen dan Dewan Undangan Negeri) diwakili oleh Umno sahaja. Jadi cari usaha untuk mengambil hati semua kaum,' katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Taiping di sini hari ini.

Mohd Shafie, yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, berkata Datuk Seri Najib Tun Razak selaku presiden parti dan Perdana Menteri telah melakukan penambahbaikan dan perubahan termasuk dalam parti kerana Umno perlu selari dengan perubahan jika tidak mahu ditolak oleh rakyat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680602>

